

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Memilih Kursus Hospitaliti Sebagai Pembentukan Awal Kerjaya Di Institut Kemahiran Belia Negara, Peretak

Mohd Rizal Bin Mohd Said & Rusli Bin Radzi

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak L Kerjaya di bidang hospitaliti pada masa kini berkembang dengan pesat selaras dengan matlamat menjulang nama dan imej Malaysia sebagai sebuah Negara berasaskan industri pelancongan. Kursus hospitaliti di IKBN, Peretak telah melatih tenaga kerja yang memiliki kemahiran layanan, sajian dan perkhidmatan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar memilih kursus hospitaliti sebagai pembentukan awal kerjaya di Institut Kemahiran Belia Negara, Peretak. Faktor-faktor yang diutarakan dari segi pengaruh minat, peranan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan kelayakan akademik pelajar. Kajian ini melibatkan 125 pelajar yang sedang mengikuti kursus hospitaliti di IKBN, Peretak pada peringkat Sijil Kemahiran Malaysia yang dikeluarkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Data mentah dikumpulkan menggunakan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada semua responden setelah kajian rintis dijalankan terlebih dahulu. Seterusnya data-data ini dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Nilai indeks kebolehpercayaan item dalam kajian rintis yang telah dijalankan ialah 0.8909. Pada keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan responden memberi reaksi yang positif terhadap aspek-aspek yang telah dikaji. Faktor minat merupakan faktor yang paling dominan mempengaruhi pelajar memilih kursus hospitaliti sebagai pembentukan awal kerjaya mereka. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memungkinkan kajian lanjutan dijalankan di masa akan datang.

Katakunci : faktor, kursus hospitaliti, pembentukan awal kerjaya

Pengenalan

Industri hospitaliti adalah salah satu industri yang tertua di dunia. Industri hospitaliti telah mula wujud sejak tamadun Babylon dari tahun 2067 hingga tahun 2025 sebelum Masihi. Sejak daripada itu, ianya telah berkembang dengan pesatnya. Pada masa itu manusia sebagai pengembara, pedagang, ahli politik dan juga ahli perniagaan yang memerlukan tempat rehat, tempat tinggal dan juga bekalan makanan dan minuman di dalam perjalanan mereka. Akta-akta yang berkaitan dengan hospitaliti telah diwartakan umpamanya 'Kod Hammurabi' yang telah menyatakan undang-undang penginapan kepada pedagang dari serata rantau pelosok yang telah melakukan aktiviti pertukaran barang-barang dagangan.

Bagi negara kita pula, industri hospitaliti bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi di mana ramai pedagang asing datang untuk melakukan urusan perniagaan dan perdagangan di pelabuhan Melaka. Pada masa itu ada di kalangan penduduk tempatan yang telah menawarkan bekalan makanan, tempat rehat dan rumah tumpangan. Maka tanpa disedari, masyarakat kita pada masa itu telah menyediakan perkhidmatan hospitaliti. Di Malaysia, industri hospitaliti sedang rancak berkembang dengan adanya banyak kemudahan hotel dan restoran yang bertaraf antarabangsa. Perkembangan yang paling pesat berlaku pada tahun 1990an di mana banyak syarikat hotel gergasi telah bertapak di Malaysia antaranya Shetaron, Marriot, Ritz, Carlton, Regent dan sebagainya. Bidang hospitaliti sudah terkenal dan mendapat sambutan untuk tenaga kerja di dalam negara mahupun luar negara. Justeru itu dengan peningkatan bidang sains

dan teknologi menyebabkan industry hospitaliti menjadi semakin canggih dengan penggunaan teknologi maklumat untuk meningkatkan kualiti serta nilai sesuatu produk.

Bagi kebanyakan orang industri hospitaliti lebih kepada member perkhidmatan, sajian layanan yang sopan dan mesra kepada pelanggan. Gray dan Linguori (1994) menyatakan bahawa bidang pekerjaan hospitaliti memberi tumpuan kepada perkhidmatan kepada pelanggan seperti yang dikatakan sebagai “ *is truly a people business*”. Kita melihat bahawa sebahagian besar tumpuan dalam pekerjaan hospitaliti memerlukan kita berhubung dengan pelanggan dan melayan kepuasan hati pelanggan.

Fokus utama institut ini adalah untuk melahirkan sumber tenaga belia yang memiliki keterserlahan dalam bidang kemahiran dan kesempurnaan sahsiah peribadi. Sehingga kini terdapat 14 buah IKBN dan sebuah IKTBN di bawah kelolaan Kementerian Belia dan Sukan di seluruh negara. Antara IKBN yang menawarkan kursus hospitaliti ialah IKBN Peretak, IKBN Alor Gajah, IKBN Bachok dan IKBN Miri.

Penyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah yang telah dibincangkan, penyelidik ingin mendapatkan maklumat berkaitan dengan pemilihan kursus hospitaliti sebagai ilmu kemahiran yang ditawarkan di IKBN, Peretak. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi mereka memilih kursus hospitaliti sebagai pembentukan kerjaya awal mereka?

Oleh itu pengkaji ingin mengkaji sebab mereka memilih kursus hospitaliti sebagai satu peluang untuk mendapatkan pekerjaan di masa akan datang. Kursus hospitaliti di IKBN, merupakan salah satu kursus yang menjadi rebutan lepasan SPM. Pengkaji akan mendapatkan maklum balas daripada pelajar tentang faktor-faktor yang dikenal pasti mempengaruhi mereka memilih kursus hospitaliti.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan mengandungi beberapa objektif yang hendak dicapai bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar memilih kursus hospitaliti di Institut Kemahiran Belia Negara, Peretak sebagai pembentukan awal kerjaya mereka dalam bidang pekerjaan pada masa akan datang. Antaranya untuk:-

- i. Mengetahui minat pelajar terhadap pemilihan kursus hospitaliti .
- ii. Melihat peranan ibu bapa dalam mempengaruhi pelajar untuk memilih kursus hospitaliti.
- iii. Mengetahui peranan rakan sebaya untuk menceburi kursus hospitaliti.
- iv. Mengetahui samada kelayakan akademik mendorong pelajar memilih kursus hospitaliti.

Kepentingan Kajian

Melalui kajian yang dijalankan, penyelidik dapat menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi para pelajar memilih kursus hospitaliti sebagai pembentukan kerjaya awal mereka. Adalah diharapkan hasil daripada kajian ini dapat memberikan maklumat penting kepada:-

- i. Para pelajar lepasan SPM tentang maklumat kursus hospitaliti yang ditawarkan oleh pihak IKBN seterusnya menceburi bidang kerjaya hospitaliti.
- ii. Pelajar boleh membuat pilihan tepat berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus hospitaliti sebagai pembentukan awal kerjaya mereka.

- iii. Ibu bapa dan masyarakat dapat mengetahui sikap dan kehendak pelajar bagi membantu mereka memilih kursus yang sesuai dengan pembentukan awal kerjaya
- iv. Pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) perlu membuat penambahbaikan terhadap kurikulum yang sedia ada supaya dapat menarik lebih ramai pelajar mengikuti kursus hospitaliti
- v. Pihak kerajaan mahupun swasta dapat menawarkan dan memperbanyakkan lagi tempat-tempat berkursus berkaitan dengan bidang hospitaliti.

Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Kajian yang dijalankan ini merupakan sebuah kajian berbentuk deskriptif. Kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk menerangkan dan menjelaskan sesuatu keadaan atau fenomena yang sedang berlaku (Majid Konting, 1990). Terdapat pelbagai kenyataan yang menyokong bentuk kajian deskriptif berdasarkan ciri-ciri kajian yang dijelaskan.

Data diambil dalam satu masa tertentu sahaja (Najib, 1999). Data kajian dapat dikumpul dengan cepat dan mudah, menjimatkan masa dan perbelanjaan, bilangan responden yang mencukupi dan sesuai untuk menggambarkan situasi yang sebenar mengenai maklumat sampel kajian. Van Dalen (1993) menyatakan kajian tinjauan secara deskriptif adalah kajian terhadap perkara yang sedang berlaku. Keadaan ini melibatkan pengumpulan data membuat interpretasi (tafsiran), perbandingan dan merumus generalisasi (kesimpulan secara umum).

Soal selidik selalu digunakan untuk konsep yang berkaitan diri sikap seseorang yang hendak dijadikan responden. Persepsi dan pandangan selari daripada keterangan latar belakang (Najib, 1999). Hal ini disokong oleh Tuckmen (1988), menyatakan bahawa kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi dengan soal selidik. Kajian yang dibuat oleh penyelidik ini adalah untuk mengumpul maklumat mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar memilih kursus hospitaliti di IKBN, Peretak.

Sampel Kajian

Instrumen kajian berbentuk soal selidik diberikan kepada pelajar yang mengikuti kursus hospitaliti di Institut Kemahiran Belia Negara, Peretak. Kumpulan sasaran yang diperlukan telah ditetapkan oleh pihak IKBN sendiri. Mereka terdiri daripada para pelajar yang sedang mengikuti kursus di tahap 1 dan tahap 2. Jumlah pelajar yang berdaftar di sekolah hospitaliti yang mengambil kursus hospitaliti ialah seramai 125 orang. Rujuk Jadual 3.1 bagi mengetahui komposisi pelajar yang mengikuti kursus hospitaliti di IKBN, Peretak. Oleh itu pengkaji telah mengambil keseluruhan populasi seramai 125 orang responden sebagai sampel kajian.

Berdasarkan kenyataan (Blum dan Foos, 1986; Cohen dan Manion, 1989; Kerlinger, 1986 dan Black, 1993) dalam Najib (1999), terdapat tiga kaedah pensampelan iaitu secara keseluruhan populasi, sampel rawak dan sampel tidak rawak. Oleh itu pengkaji telah memilih cara seluruh populasi sebagai pensampelan dalam kajian ini. Pemilihan kesemua populasi dalam kajian bertujuan untuk mendapatkan kebolehpercayaan data yang tinggi dan tepat. Cara ini dapat menghapuskan atau mengelakkan sebarang bias yang mempengaruhi perwakilan populasi dan anggaran ralat boleh juga dikesan. Merujuk kepada Jadual 1 menunjukkan taburan bilangan pelajar yang diambil untuk dijadikan sebagai responden dalam kajian ini.

Jadual 1: Taburan Pelajar Yang Mengikuti Kursus Hospitaliti Di IKBN, Peretak Pada Tahun 2008.

Bil	Nama Jurusan Hospitaliti	Jumlah Pelajar
1	Penyediaan Makanan	55
2	Penyeliaan Makanan & Minuman	13
3	Penyediaan PASTRI	30
4	Penyediaan Roti	27
Jumlah		125

(Sumber: Sekolah Hospitaliti IKBN, Peretak, 2008)

Pemilihan sampel ini terdiri daripada pelajar di IKBN, Peretak kerana ia merupakan sebuah institut latihan awam yang telah lama menawarkan kursus hospitaliti dan telah banyak menghasilkan tenaga pekerja di bidang hospitaliti. Terdapat tenaga pengajar yang berpengalaman dan mempunyai kemudahan kursus hospitaliti yang sesuai untuk menghasilkan bakal tenaga kerja. Oleh itu sesuaiilah pengkaji memilih pelajar IKBN, Peretak sebagai responden dalam kajian ini.

Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan instrumen kajian berbentuk soal selidik untuk mendapat maklumat dari responden. Jenis kuantitatif berdasarkan kategori kuantiti seperti menggunakan angka, skor, kekerapan. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Soal selidik mempunyai kebaikan menurut Ee Ah Meng (1989) antaranya ialah:-

- i. Boleh digunakan dalam satu kumpulan yang ramai dan maklumat dari mereka boleh dikutip sekali gus.
- ii. Banyak masa dan perbelanjaan dapat dijimatkan.
- iii. Tidak memerlukan ramai kakitangan untuk mengendalikan.
- iv. Soal selidik boleh dicuba terlebih dahulu untuk menentukan samada responden dapat menjawab dengan senang.

Selain daripada itu soal selidik adalah satu alat yang lazim digunakan dalam kajian rekabentuk deskriptif. Berdasarkan kepada kebaikan tersebut, maka pengkaji memilih soal selidik sebagai alat dan bahan kajian untuk mendapatkan maklumat atau data. Menurut Majid Konting (1993), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana pengguna akan dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan. Mereka bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang diberikan. Soal selidik ini direkabentuk berdasarkan objektif kajian dan ianya mengandungi pernyataan dan soalan di Bahagian A dan Bahagian B.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk mengesan beberapa kelemahan set soalan soal selidik seperti:-

- i. Item-item yang sukar difahami atau kurang jelas.
- ii. Kenyataan kabur, menimbulkan taksiran yang berlainan pada responden.

iii. Tempoh masa yang diambil oleh responden dalam menjawab soal selidik.

Dapatan yang diperolehi dari kajian rintis dapat menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item. Kajian rintis ini telah dijalankan di IKBN, Alor Gajah yang melibatkan 10 orang pelajar sahaja. Pemilihan pelajar yang mengikuti kursus hospitaliti di IKBN, Alor Gajah bersesuaian dengan situasi pelajar yang akan dikaji oleh pengkaji. Melalui bantuan tenaga pengajar, set soal selidik dapat diuji kepada pelajar yang mengikuti kursus hospitaliti. Setelah kajian rintis dibuat, pengkaji telah membuat analisis terhadap item soal selidik tersebut. Didapati item soal selidik itu mempunyai tahap kebolehpercayaan Alpha Cronbach 0.8909.

Rumusan Analisis

Merujuk Jadual 2, secara keseluruhannya responden yang memberikan tindakbalas setuju mengatasi pilihan lain iaitu kurang setuju dan tidak setuju dengan perolehan purata peratusan adalah 51.36 peratus, manakala yang kurang setuju hanya 29.15 peratus dan tidak setuju pula sebanyak 18.78 peratus.

Bagi tindakbalas responden setuju tertinggi dicatatkan adalah dari persoalan faktor minat iaitu dapatan sebanyak 74.14 peratus kemudian diikuti persoalan faktor ibu bapa sebanyak 51.76 peratus seterusnya tempat ke-3 ialah persoalan faktor kelayakan akademik memperolehi 41.92 peratus dan peratusan terendah sekali setuju ialah faktor rakan sebaya mewakili 37.6 peratus. Walau bagaimana pun keempatempat faktor ini masih mengekalkan peratusan setuju yang tinggi bagi setiap persoalan.

Jadual 2 : Rumusan Analisis

Bil	Persoalan	Purata Peratusan Responden (%)			MIN
		SETUJU (S)	KURANG SETUJU (KS)	TIDAK SETUJU (TS)	
1	Apakah faktor minat mempengaruhi pelajar mengikuti kursus hospitaliti ?	74.14	22.33	03.53	2.70
2	Apakah faktor ibu bapa mempengaruhi pelajar untuk mengikuti kursus hospitaliti ?	51.76	27.36	20.88	2.30
3	Apakah faktor rakan sebaya berperanan mempengaruhi pelajar untuk memilih kursus hospitaliti ?	37.6	31.20	31.20	2.06
4	Apakah faktor kelayakan akademik mendorong pelajar memilih kursus hospitaliti ?	41.92	38.56	19.52	2.22
PURATA		51.36	29.86	18.78	2.32

Manakala tindakbalas kurang setuju pula, mencatat peratusan tertinggi ialah 38.56 peratus daripada persoalan faktor kelayakan akademik kemudian diikuti sebanyak 31.2 peratus daripada persoalan ke-3, kemudian diikuti persoalan ke-2 sebanyak 27.36 peratus dan paling sedikit iaitu faktor minat sebanyak 22.33 peratus. Sementara itu, bagi tindakbalas tidak setuju

pula peratusan tertinggi dicatatkan oleh persoalan kajian ke-2 mewakili 20.88 peratus dan peratusan terendah diperolehi oleh persoalan pertama cuma mewakili 3.53 peratus.

Nilai min bagi persoalan pertama ialah 2.70. Manakala min persoalan kedua 2.30, nilai min untuk persoalan ketiga 2.06 dan nilai min persoalan kajian keempat ialah 2.22. Pada kedudukan ini difahamkan bahawa kajian ini mempunyai peratus setuju menguasai pilihan bagi keempat-empat faktor sebanyak 51.36 peratus manakala peratusan kurang setuju dalam kajian ini ialah sebanyak 29.86 peratus dan peratusan tidak setuju sebanyak 18.78 peratus. Sedangkan tahap sederhana mempengaruhi ke atas kajian dengan nilai minnya sebanyak 2.32 pada kedudukan sederhana. Segala fakta-fakta ini dibuktikan dengan kajian soal selidik yang telah dijalankan serta dapat diterangkan di dalam Jadual 4.15 Rumusan Analisis.

Rumusan

Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai pemilihan faktor-faktor pembentukan kerjaya awal dalam bidang hospitaliti oleh pelajar-pelajar IKBN, Peretak. Kajian ini dijalankan secara deskriptif dengan memberi borang soal selidik yang mengandungi item-item yang akan menjawab persoalan-persoalan kajian. Dalam kajian ini seramai 125 responden di IKBN, Peretak telah diambil. Kesemua responden dapat memberi maklumbalas dengan menjawab borang soal selidik yang ditetapkan. Responden dapat menjalankan tugas dengan tertib dan teratur kemudian memulangkannya dengan serahan tangan kerana pengkaji telah bertemu sendiri dengan responden di IKBN Peretak.

Segala data yang telah diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages For Social Science Versi 10.0*. Bagi menentukan hasil kajian yang telah dijalankan, statistik dari segi kekerapan (f), peratusan (%) dan juga min telah digunakan. Kajian ini dapat dirumuskan dengan mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar IKBN, Peretak dalam bidang hospitaliti secara keseluruhannya. Berdasarkan maklumat data yang dianalisis tentang kategori responden didapati pelajar-pelajar di IKBN, Peretak terdiri daripada kalangan pelajar lelaki dan juga perempuan. Gender perempuan melebihi dua kali ganda yang mengikuti kursus ini. Proses permohonan kemasukan secara *on-line* digunapakai oleh pihak IKBN untuk mendapatkan pelajar baru. Oleh itu kemasukkan terbuka kepada semua jantina tanpa diskriminasi.

Bagi kelayakan akademik pelajar, mereka yang memohon kemasukan mesti mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (95.2 %) selebihnya cuma (4.8%) telah memiliki sijil setelah berkursus dengan agensi lain. Keseluruhan pelajar yang mengikuti kursus di IKBN mempunyai taraf pendidikan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Berdasarkan pemilihan jurusan kursus hospitaliti yang ditawarkan menunjukkan bahawa mereka lebih cenderung memilih jurusan penyediaan makanan dibandingkan dengan jurusan yang lain. Bagi kategori pekerjaan ibu bapa pula, bapa yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan mewakili 38.4 peratus dan ibu pula mewakili seramai 20 peratus. Bolehlah dikatakan bahawa sebahagian besar pelajar IKBN, Peretak terdiri daripada anak-anak kakitangan kerajaan. Fenomena ini berlaku kerana pendedahan maklumat yang lebih rapat di mana IKBN sendiri adalah sebuah institusi pengajian kerajaan diurus selia oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Pengkaji telah menetapkan empat persoalan dalam kajian ini. Adakah persoalan kajian yang diutarakan dapat mempengaruhi pelajar memilih kursus hospitaliti sebagai pembentukan kerjaya awal mereka? Penerimaan persoalan kajian dapat diterima berpandukan tahap mempengaruhi responden berdasarkan nilai min setiap persoalan. Ia dapat ditunjukkan di dalam Jadual 5.1 Berdasarkan hasil dapatan persoalan pertama yang diperolehi, penyelidik telah

membuat kesimpulan bahawa faktor minat merupakan tahap tinggi berdasarkan perolehan nilai min sebanyak 2.70. Pelajar-pelajar di IKBN Peretak yang mengikuti kursus hospitality amat berminat dengan kursus yang diikuti. Oleh itu ia menjadi penyebab utama kepada mereka memilih kursus yang dipohon.

Bagi persoalan kedua iaitu faktor peranan ibu bapa menduduki tempat kedua dalam mempengaruhi pelajar memilih kursus hospitaliti. Persoalan ini memiliki tahap sederhana dengan nilai purata min kedua terbanyak iaitu 2.30. Selalunya ibu bapa memainkan peranan utama untuk mempengaruhi anak-anak mereka untuk memilih sesuatu kursus yang difikirkan sesuai untuk anak mereka. Ibu bapa yang membuat keputusan tentang pemilihan kursus untuk anak-anak perlu difikirkan masak-masak supaya tidak menyesal dikemudian hari.

Pengaruh yang ketiga tertinggi nilai minnya ialah 2.22. Ia mewakili persoalan keempat iaitu faktor kelayakan akademik. Tahap persoalan ini mempunyai tahap sederhana iaitu tentang kemampuan pelajar yang minima pada pencapaian SPM untuk memohon kursus hospitaliti. Kesesuaian pencapaian peperiksaan SPM mereka telah melayakkan pelajar mengikuti kursus hospitaliti di IKBN, Peretak. Manakala bagi persoalan yang paling rendah nilai minnya iaitu 2.06 mewakili faktor pengaruh rakan sebaya. Persoalan ketiga ini kurang berkesan untuk mempengaruhi pelajar memilih kursus hospitaliti di IKBN, Peretak. Walaupun dapatan persoalan ini pada tahap sederhana, ia merupakan nilai min yang paling sedikit jika dibandingkan nilai min dapatan persoalan lain.

Keseluruhannya didapati keempat faktor ini ada mempengaruhi pelajar pemilihan kursus hospitaliti. Kajian ini dianggap sebagai relevan dan diterima pakai disebabkan responden menggunakan kesemua persoalan yang menentukan faktor pemilihan kursus di IKBN, Peretak. Nilai min keseluruhan bagi kajian ini ialah 2.32 mewakili tahap sederhana.

Rujukan

- Amir Awang (1984). *Penghantar Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia*. Pulau Pinang: USM.
- Atan Long (1988). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Best, J.W and Khan, J.V.(1998). *Research In Education* 8th ed M.A:Allyn and Bacon.
- Cohen A.K.(1975). *Deliquent Boys*. Glencoe: Free Press.
- Connell, W.F.(1981). *Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee, Ah Meng (1989). *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Gale, K.(1985). *Behavioral and Supervisory Studies, for Hotel and Catering Operations*. 3rd Edt, England: Stanley Thornes Publisher LTD.
- Ginzberg, E. *et al.* (1951). *Occupational Choice. An approach To General Theory*. New York: Colombia University Press.
- Holland, J.L. (1985). *Making Vocational Choice: A Theory of Careers*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Institut Kemahiran Belia Negara, Peretak (2008). *Risalah Penerangan.Sekolah Hospitaliti*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan
- Imam Ghazali (terjemahan, 1977). *Keajaiban Hati*. Singapura:Pustaka Nasional Pte.Ltd.
- Kamus Dewan (1998). *Kamus Dewan*, Edisi Keempat. Ampang: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taylor, Monica, J.(1992). *Post 16 Option Young People's Awareness. Attitudes In Tension And Influences On Their Choices Research Paper In Education*. Jilid 7(3)m.s. 301-333.
- Maslow, A.H. (1970). *Motivation and Personality*. Edisi Kedua. New York: Harper and Row.

- Manja Mohd Ludin (1990). *Psikologi Sosiologi dan Falsafah dalam Pendidikan* . Kuala Lumpur: DBP.
- Norhayati Yahya. (27.7.2007). *Institut Hospitaliti Yayasan Pelajaran Johor Tawar Dua Kursus Baru*. Kosmo,m.s 22.
- Normawati Mohd Job.(1982). *Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar-Pelajar Dilihat Dari Aspek Masa Dan Faktor Yang Mempengaruhi*. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roe, A. (1956). *The Psychology of Occupations*. New York: Knopf.
- Rodzimah Mohd Rodzi. (2000). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar Dalam Bidang Elektrik Dan Elektronik Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Johor*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia. Tidak Diterbitkan.
- Rogers, Dorothy. (1981). *Adolescents and Youth*. United States of American: Prentice-Hall, Inc: Englewood Clifts.
- Rubiah Badri (1981). *Pengaruh Sikap Ibu Bapa Terhadap Pemilihan Kerjaya*. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi: UKM
- Sharifah Alwiyah Alsagoff (1987). *Psikologi Pendidikan II: Psikologi Pembelajaran dan Kognitif Bimbingan dan Kaunseling*. Pelating Jaya: Longman.
- Tuckmen, W.B. (1988). *Conducting Education Reasearch*. New York: Harcout Jovanovick.
- Van Dalen, D.B. (1993). *Memahami Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: UPM.
- Zahari Ahmad. (19870. *Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah*. Kuala Lumpur:Fajar Bakti Sdn. Bhd.